



Ahli keluarga dan penduduk kampung mengusung jenazah dua beradik yang lemas untuk dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Telosan, Pasir Puteh, semalam. [Foto Nik Abdullah Nik Omar /BH]

'2 beradik rapat, tak sangka 'pergi' bersama'

Pasir Puteh: "Mereka berdua sangat rapat, tidak sangka 'pergi' pun bersama-sama, namun saya reda kehilangan dua anak sekali gus," kata Mohd Rohim Said, 57, bapa mangsa lemas di Pantai Batu Layar, Desaru, Kota Tinggi, kelmarin.

Dalam kejadian itu, Siti Hajjar Adila Mohd Rohim, 23, dan kakaknya, Ummu Sulaiin Mohd Rohim, 25, ditemui lemas oleh orang ramai bersama seorang lagi mangsa, Asiah Abdul Rahman, 41, dari Felda Chiku, Gua Musang.

Difahamkan, mangsa lemas di kawasan kira-kira tiga kilometer dari lokasi mayat mereka ditemui.

Mohd Rohim berkata, dia menerima panggilan telefon daripada seorang rakan dari Johor pada jam 9.30 malam kelmarin, memaklumkan mengenai kejadian menimpa anaknya.

"Sebaik mendapat berita ini saya terus bertolak ke Kuala Lumpur untuk ke Johor, namun belum sempat tiba di tempat kejadian, saya berpatah balik ke kampung selepas diberitahu urusan kedua-dua anak sudah diuruskan.

"Mereka berdua adalah anak keempat dan kelima daripada tujuh beradik yang sangat rapat antara satu sama lain selain selalu meluangkan masa untuk bercuti bersama-sama.

"Sebelum ini mereka sudah memaklumkan kepada saya untuk ke Kota Tinggi, Johor bertemu rakan malah turut memberitahu untuk ke pantai bersiar-siar. Tidak sangka hasrat itu menyebabkan saya kehilangan mereka buat selamanya," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Telosan, di sini, semalam.

Mohd Rohim yang kelihatan sebak menyambut kepulangan jenazah dua anaknya, mengakui terkilan dengan apa yang berlaku, terutama Siti Hajjar baru saja menerima ijazah dalam bidang Pendidikan Sains Pertanian di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada majlis konvokesyen di universiti itu pada 21 Oktober lalu, manakala Ummu Sulaiin penerima ijazah Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, tahun lalu.

"Tiada sebarang perubahan sikap ditunjukkan oleh mereka dan hanya berkelakuan seperti biasa namun kelihatan teruja untuk bertemu rakan baik yang dikenali sejak kecil di Kota Tinggi," katanya yang juga Pengurus Felda Kemahang 1.

Terdahulu, jenazah dua beradik itu tiba di kediaman mereka pada jam 12.15 sebelum disolatkan dan selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Telosan, di sini, jam 2.30 petang.

Mereka berdua adalah anak keempat dan kelima daripada tujuh beradik yang sangat rapat antara satu sama lain selain selalu meluangkan masa untuk bercuti bersama-sama.

**Mohd Rohim Said,
Bapa**